



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 11/2022**

---

**Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan situasi pasaran buruh yang semakin stabil dapat mengekalkan momentum pengembangan ekonomi negara**

**PUTRAJAYA, 30 NOVEMBER 2022** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 11/2022**. Penerbitan ini bermatlamat bagi memastikan orang awam didedahkan mengenai senario ekonomi semasa berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM. Keluaran ini memberi tumpuan kepada statistik terkini bagi bulan September 2022 dan beberapa statistik yang akan datang bagi bulan Oktober 2022 serta sorotan mengenai situasi ekonomi Malaysia pada suku ketiga 2022. Selain itu, edisi ini turut memaparkan artikel bertajuk “Potret Penduduk Malaysia 2022” yang membincangkan perubahan struktur penduduk di Malaysia dari tahun 1970 hingga 2022 dan ke arah 2040.

Mengulas mengenai situasi sosioekonomi pada suku ketiga 2022, Ketua Perangkawan berkata, “Inflasi yang lebih tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat telah menjejaskan prestasi suku ini terutamanya bagi ekonomi negara maju. Namun begitu, ekonomi global masih menunjukkan peningkatan disokong oleh pemulihan di China dan United States, namun ia kekal sederhana berikutan harga tenaga yang lebih tinggi dan pertumbuhan pendapatan benar yang lemah mengekang perbelanjaan pengguna. Bagi Malaysia, ekonomi berkembang sebanyak 14.2 peratus pada suku ketiga 2022, sebahagiannya didorong oleh prestasi yang menggalakkan dalam semua sektor ekonomi terutamanya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Pertumbuhan ini disokong oleh pengembangan berterusan dalam permintaan domestik, pemulihan kukuh dalam pasaran buruh dan daya tahan dalam permintaan luaran. Asas yang rendah pada suku ketiga tahun sebelumnya turut menyumbang kepada pertumbuhan ini”

Mengenai sektor luaran, beliau berkata, “Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia mencatatkan lebihan yang lebih rendah RM14.1 bilion pada suku ketiga 2022 berbanding RM18.2 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya, berikutan defisit Pendapatan primer yang semakin melebar. Namun begitu, lebihan dalam eksport bersih Barangan dan defisit dalam Perkhidmatan telah menunjukkan peningkatan. Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM12.3 bilion berbanding RM9.5 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu,

Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia merekodkan aliran keluar bersih RM10.3 bilion berbanding RM1.5 bilion yang dicatatkan pada suku ketiga 2021. Di samping itu, prestasi dagangan Malaysia pada suku ketiga 2022 mengekalkan momentum positifnya dengan mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 42.0 peratus pada suku ketiga 2022 untuk merekodkan nilai tertinggi RM775.0 bilion, dipacu oleh pertumbuhan kukuh eksport dan import yang masing-masing meningkat 38.3 peratus dan 46.5 peratus. Imbangan dagangan meningkat 5.6 peratus (ST3 2021: -1.7%) kepada RM64.3 bilion (ST3 2021: RM60.9 bilion). Pada September 2022, jumlah dagangan meningkat sebanyak 31.4 peratus (RM256.9 bilion) berbanding RM195.5 bilion pada September 2021. Eksport mencecah RM144.3 bilion, meningkat 30.1 peratus, manakala import mencatatkan RM112.6 bilion dengan pertumbuhan 33.0 peratus tahun ke tahun. Justeru, imbangan dagangan telah merekodkan lebih RM31.7 bilion, meningkat 20.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, jumlah perdagangan Malaysia kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit pada Oktober 2022 iaitu tumbuh 21.1 peratus dan mencecah RM245.2 bilion berbanding RM202.4 bilion pada tahun sebelumnya.”

Melihat kepada prestasi sektoral, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada suku ketiga 2022 mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Kenaikan tersebut disumbangkan oleh pertumbuhan indeks Pembuatan (13.4%), indeks Elektrik (9.0%) dan indeks Perlombongan (8.6%). Selari dengan itu, jualan sektor Pembuatan pada suku ketiga 2022 juga meningkat ketara sebanyak 22.5 peratus kepada RM467.6 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Hasil sektor Perkhidmatan melonjak 32.3 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2022 mencatatkan RM517.4 bilion. Sementara itu, Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 23.1 peratus kepada 140.4 mata berbanding suku yang sama tahun lalu. Peningkatan dalam hasil didorong terutamanya oleh kenaikan 33.4 peratus dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, berjumlah RM417.8 bilion. Dari segi harga, IHP pada September 2022 merekodkan 4.5 peratus tahun ke tahun, lebih rendah berbanding Ogos 2022 pada 4.7 peratus. Selain kenaikan harga komoditi, bahan api dan makanan, kenaikan IHP juga dipengaruhi oleh kesan asas yang lebih rendah berikutan diskaun bil elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik yang berakhir sehingga September 2021, sementara itu Komunikasi kekal tidak berubah. Inflasi Malaysia pada Oktober 2022 menyederhana kepada 4.0 peratus. Dari segi pengeluar, IHPR meningkat 4.9 peratus tahun ke tahun, namun pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dicatatkan pada Ogos 2022 (6.8%). Ini dipengaruhi oleh indeks Pembuatan sebanyak 8.1 peratus (Ogos 2022: 9.4%). Namun begitu, penurunan dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan kepada negatif 15.5 peratus telah mempengaruhi pertumbuhan keseluruhan IHPR. IHPR bertambah baik kepada 4.0 peratus pada Oktober 2022.

Mengulas mengenai senario buruh, Ketua Perangkawan berkata, “Tenaga buruh terus meningkat pada suku ketiga 2022, mencatatkan 16.44 juta orang (ST3 2021: 16.2 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 1.1 mata peratus kepada 69.4 peratus berbanding suku yang sama tahun 2021 (68.3%). Pada

masa yang sama, KPTB pada suku tahun ini melepasi paras pra-pandemik dan merupakan kadar tertinggi yang pernah direkodkan (ST4 2019: 69.1%). Bilangan penduduk bekerja pada suku tahun ini meningkat kepada 15.83 juta orang dengan kadar pengangguran yang lebih rendah dicatatkan iaitu 3.7 peratus berbanding suku ketiga 2021 (4.7%).”

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Faktor luaran kekal sebagai cabaran utama, terutamanya dalam kenaikan harga disebabkan oleh Krisis Russia-Ukraine dan kekurangan dalam pengeluaran atau rantai bekalan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Indeks Pelopor (IP) pada September kekal melebihi 100.0 mata, merekodkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus atau 0.3 mata, untuk mencatatkan 109.9 mata (September 2021: 109.6 mata). Justeru, ekonomi Malaysia dijangka berada di landasan yang betul walaupun ekonomi global tidak menentu. Selain itu, Statistik Kecenderungan Perniagaan menunjukkan perniagaan kekal optimis pada suku keempat 2022, dengan penunjuk keyakinan terus mencatatkan momentum positif sebanyak +3.2 peratus selepas mencatatkan +4.7 peratus pada suku ketiga 2022.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 NOVEMBER 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 11/2022**

---

***Encouraging economic growth and stable labour market situation ensure the Malaysian economy remains on track***

**PUTRAJAYA, 30<sup>th</sup> NOVEMBER 2022** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 11/2022**. This publication aims to keep the public informed on the most current economic scenario based on the official macroeconomic statistics by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). This release focuses on the recent statistics for September 2022 and some forthcoming statistics for October 2022 as well as highlights on Malaysia's economic situation in the third quarter of 2022. In addition, this edition is complemented with a box article entitled "Malaysia's Population Portrait 2022", which discusses the changes in the population structure in Malaysia from 1970 to 2022 and toward 2040.

Commenting on the global socioeconomic situation in the third quarter of 2022, the Chief Statistician said, "Higher inflation and tighter monetary policy had hampered the performance of this quarter, particularly in advanced economies. Nonetheless, the global economy is still showing improvement, aided by the recovery in China and the United States, but it remained moderate as higher energy prices and weak real income growth restrained consumer spending. As for Malaysia, the economy expanded by 14.2 per cent in the third quarter of 2022 driven by encouraging performance in all economic sectors, primarily the Services and Manufacturing sectors. The growth is supported by the continued expansion in domestic demand, a firm recovery in the labour market and resilience in external demand. The lower base in the third quarter of the previous year also contributed to this growth."

In view of the external sector, he said, "Malaysia's Current Account Balance (CAB) posted a lower surplus of RM14.1 billion as compared to RM18.2 billion in the same period of the preceding year as the deficit for primary income widens. However, surplus in net exports of Goods and deficit in Services showed an improvement. Foreign Direct Investment (FDI) registered a higher net inflow of RM12.3 billion as compared to RM9.5 billion in the same period of the previous year. Meanwhile, Direct Investment Abroad (DIA) by Malaysian investors recorded a net outflow of RM10.3 billion as against RM1.5 billion posted in the third quarter of 2021. Adding to this, the performance of Malaysia's trade in third quarter

of 2022 maintained its positive momentum by posting a double-digit increase of 42.0 per cent in third quarter of 2022 to reach a high of RM775.0 billion, spurred by robust growth in export and import, which grew 38.3 per cent and 46.5 per cent, respectively. The trade balance increased 5.6 per cent (Q3 2021: -1.7%) to RM64.3 billion (Q3 2021: RM60.9 billion). In September 2022, total trade rose by 31.4 per cent (RM256.9 billion), compared to RM195.5 billion in September 2021. The exports reached RM144.3 billion, an increase of 30.1 per cent, while imports registered RM112.6 billion, a growth of 33.0 per cent year-on-year. Thus, the trade balance increased by 20.9 per cent (RM31.7 billion) from the previous year. In the meantime, Malaysia's total trade continued to rise with double-digit growth in October 2022, rising 21.1 per cent and reaching RM245.2 billion as compared to RM202.4 billion in the preceding year."

Looking at the sectoral performance, Industrial Production Index (IPI) for the third quarter 2022 showed a double-digit growth of 12.2 per cent as compared to the same period of 2021. The increment was attributed to the growth in Manufacturing index (13.4%), Electricity index (9.0%) and Mining index (8.6%). Accordingly, the Manufacturing sector's sales in the third quarter of 2022 also soared by 22.5 per cent to RM467.6 billion as compared to the same period of 2021. Services sector revenue soared by 32.3 per cent year-on-year in the third quarter of 2022 to record RM517.4 billion. Meanwhile, the Services Volume Index also increased 23.1 per cent to 140.4 points over the same quarter last year. The increase in revenue was mainly driven by an increment of 33.4 per cent in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation segments, amounting to RM417.8 billion. In terms of prices, the CPI in September registered 4.5 per cent annually, slightly lower than in August 2022 at 4.7 per cent. Apart from the increase in commodities, energy and food prices, the increase in the consumer price index was also affected by the effect of electricity bill discounts given to domestic consumers ending up until September 2021, while Communication remained unchanged. Malaysia's inflation in October 2022 moderated to 4.0 per cent. On the producer side, the PPI grew 4.9 per cent year-on-year, albeit at a slower pace than that recorded in August 2022 (6.8%). This was influenced by the Manufacturing Index of 8.1 per cent (August 2022: 9.4%). Nevertheless, a decline in Agriculture, forestry & fishing index with a negative 15.5 per cent dragged down the overall increase in PPI. The PPI improved further to record 4.0 per cent in October 2022.

Commenting on the labour scenario, the Chief Statistician said, "The labour force continued to expand in the third quarter of 2022, registering 16.44 million persons (Q3 2021: 16.02 million persons). Subsequently, the labour force participation rate (LFPR) increased by 1.1 percentage points to mark 69.4 per cent over the same quarter of 2021 (68.3%). On the same note, the LFPR for this quarter posted above pre-pandemic level and was the highest rate recorded (Q4 2019: 69.1%). The number of employed persons in this quarter increased to 15.83 million persons which resulted in a lower unemployment rate of 3.7 per cent as against third quarter of 2021 (4.7%)."

*Concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "External factors remained as major challenges, particularly in the rising prices due to Russia-Ukraine Crisis and shortage in production or supply chain caused by the COVID-19 pandemic. The Leading Index (LI) in September remained above 100.0 points, recorded an increase of 0.3 per cent or equivalent to 0.3 points, to register 109.9 points (September 2021: 109.6 points). Hence, Malaysia's economy is expected to be on track despite the uncertainty of the global economy. In addition, the Business Tendency Statistics highlighted that businesses situation remained upbeat in the fourth quarter of 2022, with the confidence indicator continued to register positive momentum by +3.2 per cent after registering +4.7 per cent in the third quarter of 2022."*

*The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
30<sup>th</sup> NOVEMBER 2022**